

Tingkat keyakinan si pemakai gigi palsu

PEMAKAI gigi palsu biasanya malu untuk membincangkan perkara berkaitan dengan gigi palsu secara terbuka kerana dianggap sebagai isu sensitif yang menandakan usia semakin meningkat.

Hakikatnya, terdapat pemakai yang mula memakai gigi palsu seawal usia 30-an, bahkan 10 peratus daripada rakyat Malaysia adalah pemakai gigi palsu, menunjukkan pemakaian gigi palsu adalah sesuatu yang umum.

Prostodontik dan Pensyarah Kanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Dr. Natasya Ahmad Tarib** berkata, pemakaian gigi palsu boleh menjejaskan keyakinan diri seseorang, terutama bagi yang pertama kali memakai gigi palsu.

Katanya, golongan tersebut bimbang dengan memakai gigi palsu, mereka tidak dapat bercakap atau makan secara biasa.

Mereka juga bimbang pemakaian gigi palsu akan mengubah penampilan secara drastik.

Menurut Dr. Natasya, akibat berasa rendah diri, pemakai gigi palsu enggan berbincang mengenai cabaran yang dihadapi berkenaan pemakaian gigi palsu, yang akhirnya membuatkan mereka mendepani secara bersendirian.

"Antara masalah yang biasa dialami pemakai gigi palsu termasuk kesesuaian gigi palsu untuk muat di dalam mulut, serta bagaimana memastikan



DR. NATASYA AHMAD TARIB dan Alycia Tan (dua dan tiga dari kanan) bersama tetamu lain pada majlis pelancaran forum pendidikan Makan, Berbual dan Senyumlah dengan Yakin oleh Polident, di Kuala Lumpur baru-baru ini.

kebersihan gigi palsu yang memberi kesan mendalam terhadap keselesaan dan kebersihan mulut.

"Mereka juga bimbang akan berlakunya keadaan di mana gigi palsu menjadi longgar semasa makan atau berbual, yang boleh menyebabkan situasi memalukan jika tertanggal.

"Bagaimanapun, dengan pendidikan dan pemahaman mengenai penjagaan gigi palsu yang lebih lanjut, pemakai gigi palsu akan menjadi lebih berkeyakinan melakukan tugas harian," katanya dalam forum pendidikan *Makan, Berbual dan Senyumlah dengan Yakin* oleh Polident, di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dr. Natasya berkata, amat

penting untuk mereka menjaga gigi palsu dengan baik sama seperti gigi asli kerana gigi palsu juga mudah terdedah kepada serangan plak, tartar dan kotoran.

Ia juga perlu dibersihkan setiap hari bagi mengekalkan kesihatan mulut.

Bagaimanapun katanya, gigi palsu tidak tahan lasak, iaitu 10 kali lebih lembut berbanding gigi asli. Oleh itu, pemakai hendaklah lebih berhati-hati ketika membersihkan gigi palsu mereka bagi mengelak sebarang kerosakan.

Sementara itu, forum tersebut diadakan bertujuan menggalakkan pemakai gigi palsu meluahkan secara terbuka pengalaman serta cabaran yang dihadapi dalam pemakaian gigi

palsu.

Dengan menggalakkan perbincangan terbuka mengenai pemakaian gigi palsu, Polident dapat menangani kesan gigi palsu terhadap pemakai dari segi emosi serta fizikal, dan menggalakkan perkongsian penyelesaian yang tepat dalam pemakaian gigi palsu.

Pengurus Pemasaran Penjagaan Mulut, GSK Consumer Healthcare Sdn. Bhd., **Alycia Tan** berkata, melalui forum ini, pihaknya berharap dapat menangani perasaan bimbang serta rasa janggal dalam kalangan pemakai gigi palsu melalui perkongsian ilmu mengenai penjagaan.

"Kami ingin menggalakkan pemakai gigi palsu agar mencari penyelesaian yang terbaik untuk memastikan penjagaan kesihatan mulut dan keselesaan yang optimum dalam pemakaian gigi palsu mereka.

"Untuk memperkukuh lagi inisiatif ini, kami akan memberi peluang kepada pemakai gigi palsu untuk mencuba produk kami melalui program Jaminan Pulangan Wang yang diadakan di seluruh negara sepanjang Julai hingga Ogos ini," katanya.

Tambahnya, pihaknya teruja kerana dapat bekerjasama dengan Persatuan Doktor Pergigian Malaysia untuk memberikan pemeriksaan gigi palsu percuma di klinik-klinik pergigian yang mengambil bahagian sepanjang Julai ini. -

NURSYAMIMI SAIDI